

13/09/2002

23 pelajar Bosnia lawat Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis - Pelajar sebelas sekolah di seluruh negara berpeluang mendengar serta melihat penderitaan dan kesan yang dialami rakyat Bosnia Herzegovina akibat peperangan yang pernah berlaku di negara itu, tidak lama lagi.

Ia akan disampaikan sendiri 23 pelajar Sekolah Camil Sijaric, Sarajevo, Bosnia Herzegovina yang akan melawat negara ini, pada 14 hingga 26 September ini.

Program julung kali itu anjuran Ibu Pejabat Umno dan Stranka Demokratik Action Parti (SDA), Bosnia Herzegovina dengan kerjasama Ranhill Berhad dan Tanco Resort Berhad.

Setiausaha Kerja Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, cadangan membawa pelajar itu ke negara ini dicetuskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melawat sekolah itu dua tahun lalu.

"Kita berharap melalui program ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak selain dapat mengeratkan hubungan persaudaraan antara dua negara," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Katanya, sepanjang 12 hari berada di negara ini pelajar terbabit akan di bawa ke 11 sekolah terpilih termasuk di Pahang, Selangor, Terengganu Kelantan, Negeri Sembilan, dan Wilayah Persekutuan.

"Selain sesi bercerita, mereka juga akan menayangkan pita video yang memaparkan penderitaan hidup rakyat Bosnia sejak awal peperangan dan kesan peperangan itu terhadap rakyat dan negara berkenaan," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Wilayah Persekutuan, berkata pihaknya berharap cerita itu dapat memberi kesedaran dan pengajaran kepada pelajar negara ini selain mengingatkan mereka beruntungnya menjalani hidup di sini dalam keadaan aman damai.

"Lawatan ini juga bertujuan mendedahkan pelajar berusia antara 12 hingga 20 tahun itu mengenai cara hidup rakyat Malaysia yang berbilang kaum selain melihat lebih dekat sistem pendidikan di negara ini," katanya.

Tengku Adnan berkata, Ranhill Berhad juga bersetuju memberi biasiswa kepada pelajar Bosnia Herzegovina yang menuntut di pusat pengajian tinggi di negara ini untuk tempoh tiga tahun.